SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 6 TAHUN 1969
WANG PERBELANJAAN SAKSI DALAM PERKARA SIVIL.

Mulai dari 1hb. September, 1969 salah satu daripada peratoran2 yang berikut ia-itu 'Peraturan A' atau 'Peratoran B' hendak-lah di-ikuti berkenaan dengan wang perbelanjaan kapada saksi2 yang di-perentah menghadhirkan diri di-Mahkamah untok memberi keterangan dalam perkara2 sivil. Peratoran2 ini ada-lah di-benarkan oleh Jurukira Negara dan di-persetujukan oleh Juru Odit Negara.

" PERATORAN A "

BAGI SAKSI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

2. Sekira-nya sa-orang saksi dalam perkhidmatan Kerajaan (Persekutuan atau Negeri) di-panggil untok memberi keterangan bagi pehak Kerajaan Malaysia atau bagi pehak mana2 Kerajaan Negeri dalam Malaysia, wang perbelanjaan saksi tidak akan di-pungut, jika Kerajaan Malaysia atau mana2 Kerajaan Negeri dalam Malaysia yang tersebut ada-lah satu daripada pehak yang berkenaan dalam perkara sivil itu.

3. Sekira-nya Kerajaan Malaysia atau mana2 Kerajaan Negeri dalam Malaysia yang tersebut ada-lah satu pehak dalam perkara sivil itu dan pegawai Kerajaan (Persekutuan atau Negeri) di-panggil untok memberi keterangan bukan bagi pehak Kerajaan tetapi bagi pehak yang melawan-nya, atau dalam mana Kerajaan Malaysia atau mana2 Kerajaan Negeri dalam Malaysia bukan satu pehak yang ada berkenaan dengan perkara sivil tersebut pada hal sa-orang kakitangan Kerajaan di-perentah untok memberi keterangan maka wang perbelanjaan saksi hendak-lah di-kutip dan di-bayar dengan wang tunai. Sa'telah di-bayar sa-keping resit dalam Borang Fin.38 hendak-lah di-keluarkan dengan serta-merta dan wang itu hendak-lah di-masokkan ka-dalam hasil Kerajaan mengikut sharat2 yang terkandong dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7/1958. Sama ada wang tersebut harus di-masokkan ka-dalam hasil Kerajaan Persekutuan atau Negeri tergantong kapada jabatan di-mana pegawai Kerajaan itu berkhidmat.

4. Perkataan2 yang berikut di-bawah ini hendak-lah juga di-tulis dalam tiap2 Surat Pemanggil saksi (sapena) yang di-keluarkan di-bawah cheraian 2 atau 3:-

" Kamu di-bolehkan menuntut elaun2 perjalanan dan elaun hidup kerana menghadhirkan diri di-Mahkamah sebagaimana kamu menjalankan tugas rasmi Kerajaan daripada bekalan tertentu dalam Jabatan kamu".

" PERATORAN B "

BAGI SAKSI YANG TIDAK BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN

5. Bagi saksi yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan, wang perbelanjaan saksi akan di-bayar kapada-nya sa'chara Kiriman Wang Malaya. Kiriman Wang itu hendak-lah di-beli dan kemukakan kapada Pejabat Pendaftaran Mahkamah oleh pehak atau Peguamchara yang berkehendakkan Surat Pemanggil (sapena) di-meteraikan. Kiriman Wang yang di-beli itu mesti-lah boleh di-tukar oleh saksi di-Pejabat Pos di-mana saksi itu di-panggil dan Kiriman Wang itu hendak-lah berharga saperti yang telah di-tetapkan oleh Mahkamah. Kiriman Wang itu bersama dengan sapena kemudian-nya hendak-lah di-lanjutkan oleh Mahkamah kapada sa-orang Penghantar Saman untok di-sampaikan kapada saksi. Sawaktu menyerahkan sapena Penghantar Saman hendak-lah juga serahkan Kiriman Wang itu kapada saksi. Saksi tersebut hendak-lah mengaku penerimaan sapena dan Kiriman Wang di-atas sapena yang di-meteraikan mengikut amalan sekarang. Sekira-nya, saksi itu enggan menurunkan tandatangan-nya sebagai akuan, Penghantar Saman mesti-lah hanya tinggalkan sapena yang di-serahkan kapada [illegible]

balek daripada Penghantar Saman hendak-lah di-simpan di-Mahkamah sehingga tarikh perbicharaan. Sekira-nya sa-sa-orang saksi tidak menuntut wang perbelanjaan-nya selepas memberi keterangan Kiriman Wang itu mesti-lah di-kembalikan kapada pehak yang berkenaan atau Peguamchara-nya dan pengakuan-nya mesti-lah di-ambil oleh Mahkamah. Walau bagaimana pun, Kiriman Wang yang tidak di-tuntut akan di-kembalikan oleh Mahkamah kapada pehak yang berkenaan atau Peguamchara-nya.

6. Dalam tiap2 kes di-bawah 'Peratoran B', perkataan2 yang berikut di-bawah ini hendak-lah di-masokkan dalam sapena:-

> " Sa-keping Kiriman Wang Malaya No: .....
> sabanyak $ ..... sabagai elaun hidup dan perbelanjaan perjalanan tuan di-kembarkan bersama2 dengan sapena ini. Tuan ada-lah Penerima Kiriman Wang ini, pengirim-nya ia-lah (nama pehak atau Peguamchara-nya) dan Pejabat Pos tempat bayaran Kiriman Wang ini ia-lah ...."

7. Di-bawah 'Peratoran B' tiap2 Mahkamah hendak-lah mengadakan satu daftar yang akan di-beri nama "DAFTAR KIRIMAN WANG YANG DI-TERIMA SEBAGAI WANG PERBELANJAAN SAKSI" dalam borang yang tertera di-Lampiran 1. Di-dalam Mahkamah2 di-mana ada-nya sa-orang Kerani Besar, daftar ini hendak-lah di-simpan oleh Kerani Besar dan di-lain2 Mahkamah, daftar tersebut hendak-lah di-simpan oleh sa-orang Kerani Mahkamah yang terkanan sekali.

8. Sekira-nya sa-suatu sapena yang di-keluarkan di-bawah 'Peratoran B' perlu di-hantar ka-sa-buah Mahkamah luar kawasan untok penyerahan, Kiriman Wang Malaya yang berkembar dengan sapena hendak-lah di-daftarkan ka-Mahkamah berkenaan.

9. Apabila satu sapena dan Kiriman Wang di-bawah 'Peratoran B' di-terima daripada Mahkamah luar kawasan, Kerani Besar atau Kerani Mahkamah hendak-lah akui penerimaan-nya mengikut chara biasa dan dengan serta-merta butir2 dari sapena dan Kiriman Wang tadi hendak-lah di-masokkan ka-dalam sa-buah rekod yang di-panggil "Rekod sapena (dengan Kiriman Wang) yang di-terima dari Mahkamah luar kawasan untok penyerahan" yang akan di-simpan oleh tiap2 Mahkamah dalam borang yang tertera di-Lampiran 2. Buku Rekod ini hendak-lah dalam jagaan kerani besar atau kerani Mahkamah yang terkanan sekali sabagaimana tersebut dalam cheraian 7 Pekeliling ini. Sa-sudah Penghantar Saman menyerahkan sapena, butir2 penyerahan tersebut mesti-lah di-masokkan di-dalam Buku Rekod ini dan naskah sapena yang di-meteraikan di-kembalikan kapada Mahkamah luar kawasan dengan tandatangan penyerahan saperti yang biasa di-amalkan.

10. Daftar yang di-sebut dalam cheraian 7 dan Buku Rekod yang di-sebutkan dalam cheraian 9 Pekeliling ini akan di-pereksa oleh pehak Odit.

11. Sa-suatu sapena yang di-keluarkan di-bawah 'Peratoran A' jangan-lah di-masokkan ka-dalam Buku Rekod yang di-sebut dalam cheraian 9 Pekeliling ini.

12. Isi Pekeliling ini hendak-lah di-ma'alumkan kapada semua kaki-tangan tuan, khas-nya semua Penghantar2 Saman di-Mahkamah tuan.

13. Pekeliling Pendaftar No: 16 tahun 1950 di-batalkan mulai dari tarikh Pekeliling ini berkuatkuasa.

A. W. Lee

(AU AH WAH)
PENDAFTAR.

Pejabat Pendaftaran,
Mahkamah Tinggi,
KUALA LUMPUR.

22hb. September, 1969.

DAFTAR KIRIMAN WANG YANG DI-TERIMA SEBAGAI WANG PERBELANJAAN SAKSI

LAMPIRAN 1

1	2	3	4	5	6		7		
					Kiriman Wang yang di-serahkan oleh Mahkamah Tempatan		Kiriman Wang yang di-kirim ka-Mahkamah Luar Tempatan		
Tarikh	Nombor kes & kandongan No. sapena	Nama Saksi	No, Kiriman Wang dan banyak-nya	Nama Pengirim Kiriman Wang	Jika di-serahkan, tarikh di-serahkan kapada saksi	Jika tidak di-serahkan, tarikh Kiriman Wang di-kembalikan kapada Pengirim dan tanda-tangan-nya	Tarikh Kiriman Wang di-hantar-kan dan kapada Mahkamah mana	Jika telah di-serah-kan tarikh sapena di-kembalikan	Jika tidak di serahkan tari Kiriman Wang di-kembalikan kapada Pengir: dan tanda tan nya

LAMPIRAN 2

REKOD SAPENA (BERSAMA KIRIMAN WANG) YANG DI-TERIMA DARIPADA MAHKAMAH2 LUAR KAWASAN UNTOK PENYERAHAN

1	2	3	4	5	6	7
Tarikh di-terima	Dari Mahkamah mana	No. Kes dan kandongan No. Sapena	Nama saksi	No. Kiriman Wang dan banyak-nya Wang	Tarikh di-kembalikan salepas di-serahkan	Sama ada Kiriman Wang di-kembalikan bersama2 dengan sapena